

ULASAN BUKU

Judul : An Education System Worthy Of Malaysia
Pengarang : M. Bakri Musa
Penerbit : Strategic Information Research Development, Kuala Lumpur
Tahun : 2003.
Halaman : 307+xii

Buku ini ditulis kerana kesedaran penulis akan kemelut yang melanda pendidikan di Malaysia dalam usaha untuk melahirkan sistem pendidikan yang menyediakan warganegaranya menghadapai cabaran globalisasi yang semakin kompetitif dan pada waktu yang sama dapat membentuk rakyat yang bersatu-padu. Perpaduan negara menjadi perkara utama apabila diambilkira bahawa Malaysia mempunyai rakyat yang berbilang kaum. Pada pendapat penulis sistem pendidikan pusat (*centralized*) yang menjadi amalan masa kini terlalu mengongkong dan pendekatan *top-down* gagal mencapai kedua-dua matlamat tersebut (hal.2). Penulis mengemukakan tesis bahawa Malaysia mampu mendirikan sistem pendidikan yang sesuai untuk ekonomi K dan juga menyatakan rakyat jika ia dapat memenuhi dua syarat. Syarat pertama, mewujudkan sistem persekolahan yang mengizinkan anika kurikulum tetapi menganut kurikulum teras seragam yang minimum iaitu "sekolah mesti mengajar Bahasa Melayu (bahasa kebangsaan), Bahasa Inggeris (bahasa dunia sejagat); sains; dan matematik. Syarat kedua, komposisi pelajar di sekolah mesti mencerminkan masyarakat di luar" (hal.2).

Pada pandangan penulis kebejatan besar sistem sekaranq ialah "memaksa perpaduan rakyat melalui sistem persekolahan dan kurikulum seragam yang terlalu jumud. Hasilnya, walaupun rakyat mempelajari perkara yang serupa, mereka tidak melakukannya bersama-sama. Apabila golongan muda tidak belajar bersama-sama, mereka tidak belajar dari satu sama lain" (hal. 3). Beliau menyarankan supaya sekolah kebangsaan yang menggunakan pengantar Bahasa Melayu menjadi benar-benar kebangsaan iaitu menarik semua rakyat Malaysia; sekolah Cina dianggap sebagai sekolah kebangsaan yang menggunakan pengantar Mandarin; dan sekolah agama diserapkan ke dalam aliran kebangsaan. Beliau juga mencadangkan beberapa perubahan yang tertumpu kepada tiga aspek utama: peluang (*access*), persamaan (*equity*) dan kualiti. Beliau menyarakkan sistem pendidikan pusat dirombak kepada sistem kewilayahuan (*decentralized*) dengan mengambil kejayaan Amerika Syarikat sebagai contoh.

Penulis menegaskan bahawa cabaran pendidikan di Malaysia ialah bagaimana untuk tidak mempolitikkan pendidikan. Ini tidak bermaksud bahawa pendidikan harus beroperasi di luar realiti politik. Malah, Menteri Pendidikan yang berjaya mestinya mempunyai kebijaksanaan politik untuk mengimbang permintaan-permintaan yang bercanggah daripada pelbagai kumpulan politik atau pertubuhan bukan kerajaan. Tetapi beliau tidak seharusnya membikarkan setiap keputusan yang dibuat dipengaruhi oleh politik.

Dalam Bab Satu, penulis menggariskan dasar yang melandasi cadangan-cadangan beliau untuk perubahan, kemungkinan kesatuan kebangsaan menerusi pendidikan dicapai di bawah sistem kewilayahuan berbanding sistem pusat, dan mengingatkan pembuat dasar bahawa tidak ada satu saiz yang sesuai untuk semua dalam kontek pelajar, dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam pendidikan disebabkan oleh globalisasi seperti penekanan terhadap Bahasa Inggeris, sains dan matematik.

Penulis kemudian menganalisis peranan pendidikan dalam pembangunan ekonomi negara, pendidikan sebagai simbol politik dan kebudayaan, faktor-faktor sosio-ekonomi yang mempengaruhi pendidikan seperti nilai agama dan kebudayaan, dan gender. Beliau turut meneliti peranan Teknologi Maklumat dalam pendidikan dan melihat kesediaaan pelajar untuk era ini. Beliau mengakhiri Bab Dua dengan membangunkan dua faktor penting, iaitu ekonomi dan demografi, yang boleh menentukan kualiti pendidikan. Dalam Bab Tiga penulis membincarakan tentang sistem pendidikan sekarang yang dibangun bersandarkan kepada Penyata Razak 1956 yang menelekkan kurikulum seragam demi memupuk perpaduan rakyat. Kebobrokan sistem pendidikan dari segi Peluang pendidikan (*access*), persamaan (*equity*) dan kualiti menjadi tajuk pokok Bab Empat. Menurut penulis, "Malaysia lulus dengan baik sekali bagi yang pertama, lulus sederhana bagi yang kedua dan lemah bagi yang ketiga." Beliau mengkritik sekolah berasrama penuh dan program matrikulasi kerana keterasingannya dan keterbatasannya kepada satu kaum yang membawa kepada kemerosotan kualiti pendidikan kerana pelajar bersaing dalam suasana yang terbatas. Beliau juga mengkritik universiti kerana melahirkan sebilangan besar pelajar (40,000) yang menganggur yang mana majoritianya (94%) adalah siswazah Melayu daripada pusat pengajian tinggi tempatan.

Dalam Bab Lima, penulis melihat model-model pendidikan dari negara luar khususnya Amerika Syarikat, Kanada dan Jerman. Pada pandangan beliau, universiti di Amerika Syarikat adalah terbaik dengan sistem pendidikan liberalnya yang mempunyai dasar ilmu yang luas, Kanada dengan dwibahasaan dan dwibudayaan dan Jerman dengan kelebihan

pendidikan vokasionalnya. Beliau membuat tinjauan ini sebab ia boleh memberi pengajaran yang berfaedah bagi Malaysia dan mempunyai kaitan dengan reformasi pendidikan yang beliau ingin sarankan.

Penulis kemudian membincarakan beberapa usaha reformasi yang pernah dilaksanakan dalam Bab Enam. Antara usaha tersebut ialah Dasar Ekonomi Baru 1970, Dasar pengantar Bahasa Melayu mengambil alih pengantar Bahasa Inggeris di sekolah (kecuali sekolah jenis kebangsaan), Akta Pendidikan 1996 yang membernaikan penubuhan universiti swasta dan akhirnya, Rangka Tindakan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 dan Laporan National Brain Trust 2002 yang telah dibuat tanpa banyak *input* dan perbincangan umum. Malahan ia tidak pun dibentangkan dalam Parlimen. Beliau turut juga membincangkan penggunaan Bahasa Inggeris untuk pengajaran Sains dan Matematik dan kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains MARA.

Bab Tujuh mengupas cadangan-cadangan penulis bagi mengukuhkan sistem persekolahan. Pertama, beliau mencadangkan supaya bilangan tahun persekolahan dikekalkan tetapi diubah formatnya kepada peringkat rendah K-6, pertengahan (tahun 7-8) dan tinggi (tahun 10-13), iaitu menyerupai format persekolahan Amerika Syarikat. Dengan perubahan ini, semua pelajar akan mendapat 13 tahun persekolahan dalam format K-6-2-4 dan bukan seperti format kini 6-3-2-2. Penulis juga mencadangkan: Kementerian Pendidikan (KP) memberi lebih banyak kebebasan kepada sekolah dan menggunakan prinsip pengurusan berdasarkan sekolah (*school-based management*); menamatkan sekolah dua sesi; dan memberi ibubapa kebebasan memilih sekolah terbaik untuk anak mereka dan mencegah sebarang tindakan mengasingkan diri dengan memberi ganjaran kepada sekolah yang mempunyai pelajar daripada pelbagai kaum. Beliau mencadangkan supaya kerajaan tidak membayar sekolah yang membataskan enrolmen atau menarik pelajar daripada satu kaum atau salu agama sahaja. Beliau yakin ini lebih baik daripada konsep sekolah Wawasan, dan sekolah yang ekslusif untuk pelajar Cina, Tamil dan Islam sahaja tidak harus dibuang oleh kerajaan.

Penulis turut membincangkan konsep kurikulum sekolah pertengahan dan tinggi yang beliau cadangkan. Beliau mengkritik sekolah berasrama penuh kerana mengorbankan banyak sumber yang boleh disalurkan kepada sekolah lain dan menggesa supaya sekolah ini dinilai keberkesannya. Penulis turut berhujah bahawa program Matrikulasi tidak diperlukan lagi. Beliau mencadangkan supaya kurikulum sekolah agama dimodenkan untuk merangkumi empat subjek terasnya supaya pelajar tersebut dapat menghadapi cabaran zaman mereka.

Penulis kemudian membincarakan beberapa usaha reformasi yang pernah dilaksanakan dalam Bab Enam. Antara usaha tersebut ialah Dasar Ekonomi Baru 1970, Dasar pengantar Bahasa Melayu mengambil alih pengantar Bahasa Inggeris di sekolah (kecuali sekolah jenis kebangsaan), Akta Pendidikan 1996 yang membernaikan penubuhan universiti swasta dan akhirnya, Rangka Tindakan Pembangunan Pendidikan 2001-2010 dan Laporan National Brain Trust 2002 yang telah dibuat tanpa banyak *input* dan perbincangan umum. Malahan ia tidak pun dibentangkan dalam Parlimen. Beliau turut juga membincangkan penggunaan Bahasa Inggeris untuk pengajaran Sains dan Matematik dan kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains MARA.

Penulis mengupas cadangan-cadangan penulis bagi mengukuhkan sistem persekolahan. Pertama, beliau mencadangkan supaya bilangan tahun persekolahan dikekalkan tetapi diubah formatnya kepada peringkat rendah K-6, pertengahan (tahun 7-8) dan tinggi (tahun 10-13), iaitu menyerupai format persekolahan Amerika Syarikat. Dengan perubahan ini, semua pelajar akan mendapat 13 tahun persekolahan dalam format K-6-2-4 dan bukan seperti format kini 6-3-2-2. Penulis juga mencadangkan: Kementerian Pendidikan (KP) memberi lebih banyak kebebasan kepada sekolah dan menggunakan prinsip pengurusan berdasarkan sekolah (*school-based management*); menamatkan sekolah dua sesi; dan memberi ibubapa kebebasan memilih sekolah terbaik untuk anak mereka dan mencegah sebarang tindakan mengasingkan diri dengan memberi ganjaran kepada sekolah yang mempunyai pelajar daripada pelbagai kaum. Beliau mencadangkan supaya kerajaan tidak membayar sekolah yang membataskan enrolmen atau menarik pelajar daripada satu kaum atau salu agama sahaja. Beliau yakin ini lebih baik daripada konsep sekolah Wawasan, dan sekolah yang ekslusif untuk pelajar Cina, Tamil dan Islam sahaja tidak harus dibuang oleh kerajaan.

Penulis turut membincangkan konsep kurikulum sekolah pertengahan dan tinggi yang beliau cadangkan. Beliau mengkritik sekolah berasrama penuh kerana mengorbankan banyak sumber yang boleh disalurkan kepada sekolah lain dan menggesa supaya sekolah ini dinilai keberkesannya. Penulis turut berhujah bahawa program Matrikulasi tidak diperlukan lagi. Beliau mencadangkan supaya kurikulum sekolah agama dimodenkan untuk merangkumi empat subjek terasnya supaya pelajar tersebut dapat menghadapi cabaran zaman mereka.

Pada pendapatnya sekolah ini harus dihapuskkan atau disatukan dalam sistem kebangsaan (hal. 185). Beliau berpendapat bahawa dengan mengenakan standard yang lebih tinggi, pengajaran Islam tidak lagi akan menjadi tempat bernaung bagi mereka yang lemah akademik dan dapat menghasilkan pemimpin agama yang lebih baik. Beliau mencadangkan supaya STAM dihentikan dan pelajar mengambil STPM dengan Pengajaran Islam dan Bahasa Arab sebagai dua subjek bukan teras mereka. Dalam usaha merubah sekolah agama, penulis lebih cenderung kepada pendekatan menang-menang dengan menghormati golongan agama sambil mengubah teras kurikulum. Akhirnya, beliau mencadangkan peningkatan penyertaan sekolah swasta dan *charter*. Hujah beliau, penerimaan idea sekolah swasta dan *charter* memerlukan anjakan paradigma dalam pemikiran dan sikap Kementerian Pendidikan yang perlu juga menolak idea bahawa inovasi dan kebijaksanaan pedagogi bukanlah milik ekslusif mereka atau kerajaan adalah satu-satunya entiti yang boleh memberi pendidikan berkualiti. Beliau berhujah bahawa jika Malaysia sampai ke tahap ini, betapa ia boleh meringankan bebanan KP (hal. 191).

Penulis turut membincangkan pendidikan tinggi dalam tiga aspek: pengurusan, kandungan akademik dan kakitangan personel dalam Bab Lapan. Dari segi pengurusan, beliau mengkritik amalan melantik pengurusan tertinggi universiti berdasarkan kecondongan politik mereka daripada kejayaan akademik. Beliau meluat melihat menteri dan ahli politik yang benci kepada ahli akademik yang berani mengkritik dasar pihak berkuasa. Beliau fikir universiti berhak menguruskan dana mereka sendiri. Dari segi kurikulum pengajaran sarjana muda, beliau mencadangkan penggunaan kurikulum liberal yang mempunyai dasar ilmu yang luas berbanding kurikulum yang sempit dan beku. Dari segi personel, beliau menimbulkan masalah memecahkan keterasingan intelektual dan mengakalkan bakat berharga di kampus. Beliau turut meneliti kolej dan universiti swasta secara positif dan memberi pedoman bagaimana ia boleh membantu mencapai agenda negara dengan pengawasan ketat oleh KP. Beliau turut membincangkan keperluan mendapat calon yang cemerlang untuk Maktab perguruan.

Dalam bab terakhirnya, penulis membincangkan isu menguruskan KP bagi memastikan kecekapan dan keberkesanannya. Untuk itu beliau mencadangkan supaya fungsi penerbitan dan penterjemahan (Dewan Bahasa & Pustaka) dan Peperiksaan (Majlis Peperiksaan) dilepaskan daripada tanggungjawab KP. Biarlah KP menumpukan perhatiannya kepada fungsi utamanya iaitu pendidikan rakyat Malaysia.

Jelas sekali buku ini menilai sistem pendidikan Malaysia secara komprehensif dan kita harus berikan satu tabikan kepada penulis atas kepekaannya terhadap apa yang berlaku di Malaysia walaupun beliau telah merantau di Amerika Syarikat. Kita rasa beliau dapat menyelami dilema pendidikan walaupun beliau seorang pakar bedah. Sudah tentu pengamatan penulis sedikit sebanyak diwarnai oleh pengalaman beliau di negara tersebut seperti mana kita lihat cadangan beliau yang condong kepada sistem pendidikan Amerika Syarikat dari segi struktur organisasi pendidikan kewilayahannya, lebih banyak kebebasan kepada pengurusan sekolah dan institusi pengajian tinggi, format persekolahan, keluwesan kurikulum dengan teras seragam yang minim, keyakinan kepada institusi swasta dan *charter* di peringkat sekolah dan pengajian tinggi, dan kurikulum pendidikan liberal bagi peringkat sarjana muda. Beliau amat yakin dengan idea-idea ini mungkin disebabkan ia sudah diamalkan di AS dengan jayanya untuk sekian lama.

Perkara pokok yang dibicarakan penulis adalah matlamat serampang dua mata, iaitu kesediaan untuk menghadapi cabaran globalisasi dan cabaran melahirkan rakyat bersatu padu. Penyelesaian kepada cabaran pertama adalah dengan merombak kurikulum supaya lebih luwes tetapi diikat dengan kurikulum teras yang minim dan pengukuhan TM, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Idea ini memang baik tetapi terdapat sedikit ketidakaktepatan. Kurikulum teras yang beliau maksudkan memang telah pun digunakan dalam negara kita di semua sekolah sama ada kebangsaan, jenis kebangsaan dan agama. Bezanya cuma di peringkat menengah atas di mana pelajar mula menghirusus dalam bidang tertentu. Apa yang mungkin kita persetuju ialah pengajaran Bahasa Inggeris yang kurang berkesan khasnya di luar bandar sehingga kualiti bahasa itu merosot. Prestasi sains dan matematik tidaklah begitu merunsingkan kita untuk berhadapan dengan cabaran globalisasi. Begitu juga fakta bahawa SRJK Cina yang berpengantar Mandarin memang sudah pun berada dalam sistem kebangsaan kecuali Sekolah Menengah Cina Swasta. Kita juga menyambut baik cadangan beliau untuk meluwerskan kurikulum dan dengan pelaksanaan sijil terbuka di peringkat SPM, kita harap perkara ini dapat dipertimbangkan supaya pelajar boleh mengambil subjek yang mereka minati dan memberi lebih banyak ruang untuk mengikuti beberapa pengkhususan di IPT. Di sini kita tidaklah bermaksud pelajar mengambil sehingga 13 subjek untuk SPM tetapi dirangkakan subjek mengikut semester dan di menengah atas ada 4 semester. Mungkin saranan penulis untuk mengikut format K-6-2-4 ada baiknya jika kita ingin laksanakan perkara ini. Di samping itu kita wajah membuat penilaian berdasarkan sekolah (*Grade points average*) dan melaksanakan ujian kemasukan ke universiti

seperti ACT atau SAT di Amerika Syarikat bagi standard yang seragam. Penyelesaian penulis kepada cabaran kedua walaupun praktikal, agak penuh kontroversi bagi negara yang masih mempunyai kesetiaan perkauman yang tinggi ini. Bolehkah rakyat Malaysia melalui anjakan paradigma ini, iaitu golongan Melayu, Cina dan India meninggalkan sekolah mereka (tradisi mereka) yang ekslusif? Pengalaman KP pada masa lepas sudah mencukupi untuk menunjukkan ketidaksesuaian semua golongan ini. Misalnya, Akta Pendidikan 1996 yang memberi kuasa Menteri untuk menutup SRJK Cina dan Tamil terpaksa dibatalkan selepas bantahan daripada masyarakat Cina. Sehingga kini, jika SRJK Cina tidak mempunyai murid, ia tidak ditutup tetapi sebaliknya dipindahkan sekolah tersebut ke sebuah kawasan lain. Ini suatu yang sungguh aneh. Begitu juga pembatalan pembayaran pusat untuk Sekolah Agama Rakyat yang dihentikan pada Oktober 2003 kini terpaksa diteruskan semula selepas bantahan umat Islam tetapi sekolah ini dikehendaki untuk berdaftar di bawah Jabatan Pendidikan Swasta pula. Kini masyarakat India pula ingin kerajaan membantu pembentukan SRJK Tamil dan memberi kuota untuk pelajarinya memasuki IPT dalam bidang tertentu seperti perubatan selepas dasar meritokrasi dilaksanakan. Sukar bagi kita untuk menerima cadangan penulis supaya komposisi sekolah perlu melambangkan komposisi masyarakat di luar dalam ertikata terdiri dari semua kaum disebabkan lokasi sekolah tersebut dan juga komposisi rakyat Malaysia yang majoritiinya Melayu. Justeru itu, tidak hairanlah jika sekolah-sekolah di kampung terdiri dari golongan Melayu, di estet oleh golongan India dan cuma mungkin di bandar oleh semua golongan. Kita bersetuju dengan cadangan beliau supaya sekolah agama diserapkan ke dalam sistem kebangsaan sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama atau menjadi sekolah swasta yang berkualiti dan tidak bergantung kepada Jabatan Agama Islam Negeri dan Kerajaan Pusat dari segi kewangan.

Kita bersetuju dengan cadangan penulis yang satu lagi, iaitu membuat sistem pendidikan kebangsaan benar-benar melambangkan kebangsaan Malaysia dengan menjadikannya lebih menarik bagi semua kaum. Kita fikir inilah penyelesaian yang lebih praktikal dan ini boleh dilakukan dengan meningkatkan kualiti guru dan pengajaran, prasarana pendidikan dan meluaskan kurikulum yang ditawarkan. KP perlu melaburkan wang yang lebih banyak untuk sekolahnya. Sekarang ini ada banyak SRJK Cina yang mempunyai prasarana, kurikulum dan kualiti pengajaran yang lebih baik daripada Sekolah Kebangsaan. Perkara ini hendaklah dibaiki dan diimbangi dulu. Di samping itu pengajian Bahasa Arab dan Pengajian Islam seperti Shari'ah, Qur'an dan Sunnah di peringkat menengah atas sebagai pilihan, perlu juga diwujudkan di Sekolah Kebangsaan bagi menambat hati kaum Melayu.

Pada keseluruhan, buku ini wajar dibaca oleh setiap pendidik, guru pelatih dan masyarakat umum kerana ia memberi analisis yang mendalam, kritikal dan berani tentang pendidikan di negara kita dan mengutarakan beberapa idea baru untuk direnung dan jika difikir baik, untuk dicuba.

Rosnani Hashim